

14/07/1997

## Sukan Sea 1999 menuju tragedi

Hussain Said

TRAGEDI yang melanda Sukan Sea 34 tahun lalu mungkin berulang apabila tidak ada negara anggota sanggup menjadi tuan rumah sukan prestij rantau ini pada 1999.

Sukan serantau yang ketika itu dikenali sebagai Sukan Seap (tanpa Indonesia dan Filipina) tidak dapat diadakan pada 1963 kerana tidak ada negara bersedia menjadi tuan rumah.

Hakikatnya, penganjuran Sukan Sea XX dua tahun lagi itu sepatutnya diserahkan kepada Malaysia, tetapi ketika itu negara ini baru saja menyempurnakan Sukan Komanwel.

Atas alasan itu, tugas penganjuran diserahkan kepada Brunei, satu-satunya negara kerabat asal Persekutuan Sukan Sea (SGF) yang belum pernah menjadi tuan rumah.

Bagaimanapun, negara kaya minyak itu menolaknya kerana mendakwa tidak cukup kemudahan dan gelanggang untuk menampung penyertaan kira-kira 5,000 pegawai dan atlit.

Adalah difahamkan, semua negara anggota SGF, kecuali Brunei menjadikan pembiayaan dan sokongan kewangan sebagai alasan untuk menolak tawaran menjadi tuan rumah.

Setiausaha Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Sieh Kok Chi, berkata jika Malaysia dan Brunei tidak mahu menjadi tuan rumah, Sukan Sea 1999 itu besar kemungkinan `berehat seketika'.

Apapun, katanya, peluang Sukan Sea XX diadakan di negara ini masih terbuka, andainya ada negeri di luar Kuala Lumpur Malaysia yang mempunyai kemudahan dan gelanggang mencukupi mengambil alih tugas penganjurannya.

"Kami di MOM pastinya berbesar hati jika ada negeri yang memiliki kemudahan itu, di samping berpengalaman menganjurkan temasya sukan besar seperti Sukan Malaysia (Sukma), sedia menawarkan diri," kata Kok Chi di Kuala Lumpur semalam.

Menurutnya, Thailand mengambil langkah berani apabila menyerahkan penganjuran Sukan Sea dua tahun lalu kepada Chiang Mai, bandar raya tidak sepesat Bangkok.

Dia berkata, beberapa bandar raya di negara ini ternyata jauh lebih mantap dari segi kemudahan sukan dan gelanggang berbanding Chiang Mai.

"Kalau Chiang Mai boleh, kenapa bandar raya kita selain Kuala Lumpur tidak boleh?" tanya Kok Chi.

Jika Chiang Mai dijadikan perbandingan, Kuching dianggap bandar raya paling layak diberi kepercayaan menjadi tuan rumah Sukan Sea. Ia mempunyai segala-galanya kecuali velodrom lumba basikal.

Sarawak ternyata begitu berjaya menganjurkan Sukma, mungkin hasil penelitian mereka terhadap penganjuran Sukan Sea 1989 di Kuala Lumpur dan baru-baru ini Kuching sekali lagi menyerlahkan kebolehannya sebagai satu daripada gelanggang terbaik bola sepak Kejohanan Belia Dunia.

Selain Sarawak, Selangor turut mempunyai segala ciri diperlukan sebagai tuan rumah. Seperti Sarawak, Selangor juga tidak mempunyai velodrom.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang menghadiri upacara penutup Sukma III di Kuching pada Julai 1990, pernah menyifatkan penganjurannya sebagai paling berjaya dan majlis penutup pula setanding Sukan Sea XV di Kuala Lumpur.

(END)